UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# GARIS PANDUAN
# ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH

## EDISI KEDUA

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2018**

Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat UMK Bil. 6/2018
(Kali ke- 109), 25 Jun 2018

..................................................
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah

**Disahkan benar:**

..................................................
Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

# KANDUNGAN


| BIL. | PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1.0 | PENDAHULUAN | | 1 |
| 2.0 | SYARAT AM PENCALONAN | | 1 |
| 3.0 | KATEGORI ANUGERAH | | 2 |
| | 3.1 Anugerah Pelajaran DiRaja | | 2 |
| | 3.2 Anugerah Canselor | | 2-3 |
| | 3.3 Anugerah Naib Canselor | | 3 |
| | 3.4 Anugerah Prihatin Komuniti PUSPANITA | | 4 |
| | 3.5 Anugerah Keusahawanan | | 4-5 |
| | 3.6 Anugerah Dekan | | 5 |
| 4.0 | KATEGORI HADIAH | | 6 |
| | 4.1 Hadiah Alumni | | 6 |
| | 4.2 Hadiah Akademik | | 6-7 |
| 5.0 | KRITERIA PEMILIHAN DAN KAEDAH PEMARKAHAN | | 7 |
| 6.0 | PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN | | 7 |
| | GLOSARI | | 7-9 |
| | LAMPIRAN | | |
| | Lampiran I | Syarat Am, Syarat Khas, Kriteria Penilaian Calon Dan Pengiraan Markah | 10 |
| | Lampiran II | Butiran Pemarkahan Anugerah Keusahawanan Komersial | 11-12 |
| | Lampiran III | Butiran Pemarkahan Anugerah Keusahawanan Sosial | 13 |
| | Lampiran IV | Butiran Pemarkahan Keusahawanan Sosial Anugerah Prihatin Komuniti PUSPANITA | 14 |
| | Lampiran V | Borang Pencalonan | 15-23 |
| | Lampiran VI | Prosedur Operasi Standard | 24-27 |
| | Lampiran VII | Jawatankuasa Semakan | 28 |


Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat UMK Bil. 6/2018
(Kali ke- 109), 25 Jun 2018

................................................
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah

**Disahkan benar:**

................................................
Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

## 1.0 PENDAHULUAN

**1.1** Garis Panduan Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan Bagi Graduan Prasiswazah ini menjelaskan Syarat Pencalonan, Kriteria Pemilihan dan Kaedah Penilaian Calon bagi Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Kelantan kepada Graduan Prasiswazah.

**1.2** Berbanding dengan edisi pertama, edisi kedua menambah anugerah terbaharu iaitu Anugerah Prihatin Komuniti PUSPANITA.

**1.3** Ia membantu calon, pihak Fakulti dan Panel atau Jawatankuasa Pemilih untuk menentukan tahap kecemerlangan seseorang calon dan layak untuk dipertimbangkan kepada mana-mana anugerah atau hadiah kecemerlangan.

**1.4** Keputusan pemilihan calon Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan oleh Panel atau Jawatankuasa Penilai dan disahkan oleh Senat adalah muktamad.

**1.5** Panel akan mencadangkan kepada Senat Anugerah dan Hadiah yang akan diterima di atas pentas pada setiap konvokesyen.

## 2.0 SYARAT AM PENCALONAN

**2.1** Syarat Am Pencalonan adalah terpakai kepada semua Kategori Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan, kecuali jika disebut sebaliknya.

**2.2** Antara Syarat Am Pencalonan ialah:

2.2.1 Calon hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib sepanjang pengajian.

2.2.2 Calon hendaklah bebas dari sebarang hutang dengan Universiti Malaysia Kelantan.

2.2.3 Calon berjaya mengemukakan bukti kecemerlangan dalam kriteria yang dinilai, termasuk pencapaian/aktiviti akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan.

2.2.4 Seorang calon layak menerima salah satu (1) anugerah sahaja daripada Kategori Anugerah Pelajaran Di Raja, Anugerah Canselor, Anugerah Naib Canselor dan Anugerah Prihatin Komuniti PUSPANITA.

2.2.5 Calon yang tidak terpilih untuk menerima anugerah yang lebih tinggi boleh dipertimbangkan untuk anugerah yang lebih rendah.

## 3.0 KATEGORI ANUGERAH

### 3.1 Anugerah Pelajaran DiRaja

3.1.1 Anugerah tahunan ini adalah kurniaan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Dipertua Negeri kepada seorang (1) calon Bumiputera dan seorang (1) calon Bukan Bumiputera yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan tanpa mengira fakulti. Dalam ketiadaan calon Bukan Bumiputera pada tahun penganugerahan, Anugerah ini boleh diperturunkan kepada calon Bumiputera.

3.1.2 Calon akan dianugerahkan dengan:

3.1.2.1 Pingat bernilai RM1,000.00;
3.1.2.2 Wang tunai berjumlah RM5,000.00; dan
3.1.2.3 Segulung sijil.

3.1.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

3.1.3.1 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50)

3.1.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=40; Aktiviti = 20) | 60 |
| 2. | Bukan Akademik | 5 |
| 3. | Kemasyarakatan | 5 |
| 4. | Keusahawanan | 10 |
| 5. | Kepimpinan | 20 |
| | **Jumlah** | **100** |

### 3.2 Anugerah Canselor

3.2.1 Anugerah tahunan ini disediakan oleh Universiti Malaysia Kelantan kepada dua (2) calon yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan tanpa mengira fakulti.

3.2.2 Calon akan dianugerahkan dengan :

3.2.2.1 Pingat bernilai RM700.00.
3.2.2.2 Wang tunai berjumlah RM2,000.00; dan
3.2.2.3 Segulung sijil.

3.2.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

3.2.3.1 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50)

3.2.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=30; Aktiviti = 20) | 50 |
| 2. | Bukan Akademik | 10 |
| 3. | Kemasyarakatan | 10 |
| 4. | Keusahawanan | 10 |
| 5. | Kepimpinan | 20 |
| | **Jumlah** | **100** |

### 3.3 Anugerah Naib Canselor

3.3.1 Anugerah tahunan ini diberikan oleh Universiti Malaysia Kelantan kepada seorang (1) calon yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan bagi setiap fakulti.

3.3.2 Calon akan dianugerahkan dengan:

3.3.2.1 Pingat bernilai RM500.00;
3.3.2.2 Wang tunai berjumlah RM1,500.00; dan
3.3.2.3 Segulung sijil.

3.3.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

3.3.3.1 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50)

3.3.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=40; Aktiviti = 5) | 45 |
| 2. | Bukan Akademik | 15 |
| 3. | Kemasyarakatan | 10 |
| 4. | Keusahawanan | 10 |
| 5. | Kepimpinan | 20 |
| | **Jumlah** | **100** |

### 3.4 Anugerah Prihatin Komuniti PUSPANITA

3.4.1 Anugerah tahunan ini adalah sumbangan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) kepada seorang (1) calon yang terlibat dalam projek berimpak tinggi yang melibatkan komuniti, pihak berkepentingan dalam dan luar universiti (Badan-badan Kerajaan, bukan Kerajaan dan sebagainya) serta cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan tanpa mengira fakulti.

3.4.2 Calon akan dianugerahkan dengan:

3.4.2.1 Pingat bernilai RM500.00;
3.4.2.2 Wang tunai berjumlah RM1,000.00; dan
3.4.2.3 Segulung sijil.

3.4.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

3.4.3.1 Warganegara Malaysia;
3.4.3.2 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50);
3.4.3.3 Mempunyai sahsiah dan keperibadian tinggi; dan
3.4.3.4 Latar belakang keluarga (ibu atau bapa) daripada anggota Perkhidmatan Awam Malaysia, terutama yang dalam kelompok di bawah paras gaji bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Ribu (RM8000.00) sahaja.

3.4.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=30; Aktiviti = 5) | 35 |
| 2. | Bukan Akademik | 5 |
| 3. | Kemasyarakatan | 30 |
| 4. | Keusahawanan Sosial | 20 |
| 5. | Kepimpinan | 10 |
| | **Jumlah** | **100** |

### 3.5 Anugerah Keusahawanan

3.5.1 Anugerah tahunan ini diberikan oleh Universiti Malaysia Kelantan kepada dua (2) orang calon keusahawanan komersial dan dua (2) orang calon keusahawanan sosial yang cemerlang dalam bidang keusahawanan masing-masing dan bidang berkaitan tanpa mengira fakulti.

3.5.2 Calon akan dianugerahkan dengan:

3.5.2.1 Pingat bernilai RM500.00;
3.5.2.2 Wang tunai berjumlahi RM2,000.00; dan
3.5.2.3 Segulung sijil.

3.5.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

3.5.3.1 Mendapat PNGK 3.00 dan ke atas (PNGK ≥ 3.00);dan
3.5.3.2 Memiliki syarikat perniagaan yang berdaftar dan aktif.

3.5.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=20; Aktiviti = 10) | 30 |
| 2. | Bukan Akademik | 5 |
| 3. | Kemasyarakatan | 5 |
| 4. | Keusahawanan | 50 |
| 5. | Kepimpinan | 10 |
| | **Jumlah** | **100** |

### 3.6 Anugerah Dekan

3.6.1 Anugerah tahunan ini disediakan oleh Fakulti kepada seorang (1) calon yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan bagi setiap Fakulti.

3.6.2 Calon akan dianugerahkan dengan:

3.6.2.1 Pingat bernilai RM700.00; dan
3.6.2.2 Segulung sijil.

3.6.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

3.6.3.1 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50).

3.6.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=40; Aktiviti = 20) | 60 |
| 2. | Bukan Akademik | 10 |
| 3. | Kemasyarakatan | 10 |
| 4. | Keusahawanan | 10 |
| 5. | Kepimpinan | 10 |
| | **Jumlah** | **100** |

## 4.0 KATEGORI HADIAH

### 4.1 Hadiah Alumni

4.1.1 Hadiah tahunan ini ditawarkan oleh Persatuan Alumni UMK kepada seorang (1) calon yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan bagi setiap fakulti.

4.1.2 Calon akan dianugerahkan dengan:

4.1.2.1 Wang tunai bernilai RM2,000.00; dan
4.1.2.2 Segulung sijil.

4.1.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

4.1.3.1 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50).

4.1.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=30; Aktiviti = 20) | 50 |
| 2. | Bukan Akademik | 10 |
| 3. | Kemasyarakatan | 20 |
| 4. | Keusahawanan | 10 |
| 5. | Kepimpinan | 10 |
| | **Jumlah** | **100** |

### 4.2 Hadiah Akademik

4.2.1 Hadiah tahunan ini disumbangkan oleh badan atau pertubuhan ikhtisas dan profesional serta syarikat swasta kepada seorang (1) calon yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan bagi setiap program.

4.2.2 Calon akan dianugerahkan dengan :

4.2.2.1 Voucher buku atau lain-lain bernilai RM500.00; dan
4.2.2.2 Segulung sijil.

4.2.3 Syarat Khas Pencalonan adalah calon:

4.2.3.1 Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50)

4.2.4 Kriteria dan wajaran pemilihan adalah seperti berikut:

| No. | Kriteria Pemilihan | Wajaran (%) |
|---|---|---|
| 1. | Akademik (Pencapaian=40; Aktiviti = 20) | 60 |
| 2. | Bukan Akademik | 10 |
| 3. | Kemasyarakatan | 10 |
| 4. | Keusahawanan | 10 |
| 5. | Kepimpinan | 10 |
| | **Jumlah** | **100** |

## 5.0 KRITERIA PEMILIHAN DAN KAEDAH PEMARKAHAN

**5.1** Ringkasan syarat am, syarat khas, kriteria penilaian calon dan pengiraan markah adalah seperti di **Lampiran I**.

**5.2** Butiran pemarkahan bagi Anugerah Keusahawanan Komersial seperti di **Lampiran II**, Anugerah Keusahawanan Sosial seperti di **Lampiran III** dan Anugerah Prihatin Komuniti PUSPANITA – Keusahawanan Sosial seperti di **Lampiran IV**.

**5.3** Kaedah pemarkahan bagi setiap Kriteria Pemilihan adalah ditunjukkan dalam Borang Pencalonan Penerima Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan (UMK(B01.08.02) (33-16)) di **Lampiran V**.

## 6.0 PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN

**6.1** Prosedur Operasi Standard bagi tujuan pencalonan dan pemilihan calon adalah ditunjukkan di **Lampiran VI**.

## GLOSARI

**Aktiviti Akademik**
Aktiviti yang bersifat kesarjanaan di UMK meliputi kegiatan penerbitan, pembentangan di seminar/ persidangan atau pembangunan projek atau pertandingan quiz atau apa-apa aktiviti akademik. Hanya aktiviti akademik yang tidak diambil kira dalam PNGK dinilai dan diberi markah.

**Aktiviti Bukan Akademik**
Aktiviti kebudayaan dan sukan yang tidak diambil kira dalam PNGK atau tidak berkredit sama ada anjuran pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) atau kelab dan persatuan di fakulti, universiti atau di peringkat negeri, nasional atau antarabangsa. Pemarkahan aktiviti ini mengambil kira pencapaian calon dalam pertandingan serta penglibatan calon dalam penganjuran atau penyertaan aktiviti.

**Aktiviti Kemasyarakatan**
Aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak universiti atau pihak luar. Markah akan diberi kepada calon yang terlibat dalam penganjuran atau penyertaan aktiviti kesukarelawan yang tidak diambil kira dalam PNGK atau tidak diberi kredit.

**Aktiviti Keusahawanan**
Aktiviti yang dikaitkan dengan pembentukan syarikat atau usaha peningkatan ilmu dan kemahiran dalam bidang perniagaan. Markah akan diberi kepada calon yang memiliki syarikat berdaftar atau terlibat dalam penganjuran atau penyertaan aktiviti keusahawanan yang tidak disyaratkan oleh mana-mana kursus berkredit.

**Aktiviti Keusahawanan Komersial**
Aktiviti yang dikaitkan dengan pembentukan syarikat atau usaha peningkatan ilmu dan kemahiran dalam bidang perniagaan. Markah akan diberi kepada calon yang memiliki syarikat berdaftar atau terlibat dalam latihan atau pertandingan keusahawanan di mana-mana peringkat penganjuran yang tidak disyaratkan oleh mana-mana kursus berkredit. Markah juga diberi kepada calon yang mempunyai syarikat aktif dari segi prestasi jualan dan penyediaan peluang pekerjaan.

**Aktiviti Keusahawanan Sosial**
Aktiviti yang bersifat kreatif dan inovatif untuk menyelesaikan masalah sosial anjuran universiti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau pihak berkenaan. Markah dikira apabila calon terlibat dalam penganjuran, penyertaan atau perjawatan dalam aktiviti atau organisasi keusahawanan sosial.

**Ciri-ciri Kepimpinan**
Kebolehan memimpin, mempengaruhi atau menyakini pihak lain untuk mencapai sesuatu matlamat yang dingini. Markah dikira berdasarkan jawatan calon dalam organisasi atau pencapaian/penyertaan calon pengucapan awam.

**Kriteria Pemilihan**
Standard yang digunakan untuk menilai dan memilih calon, termasuk pencapaian dan aktiviti akademik, aktiviti bukan akademik, kemasyarakatan keusahawanan dan kepimpinan.

**Latihan**
Aktiviti atau kursus latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh Universiti atau pihak luar. Markah diberi kepada calon yang mengikuti kursus latihan yang tidak disyaratkan oleh kursus berkredit.

**Pemilikan Syarikat**
Syarikat yang dimiliki calon dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Syarikat Universiti (SSU). Markah dikira jika calon mempunyai syarikat berdaftar yang tidak disyaratkan oleh kursus berkredit. Mana-mana calon yang mempunyai syarikat aktif selepas tamat kursus berkredit layak diberi markah.

**Pencapaian**
Merujuk kepada prestasi atau kemenangan dalam apa-apa aktiviti berkaitan di pelbagai peringkat penyertaan.

**Pencapaian Akademik**
Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) calon pada semester akhir

**Peringkat Universiti**
Merujuk kepada peringkat di mana sesuatu pencapaian, program atau aktiviti di luar kawasan sesebuah fakulti berkenaan. Sebagai contoh, markah yang lebih tinggi diberikan kepada pelajar yang menerbitkan tulisannya di fakulti atau di pusat tanggung jawab (PTj) lain. Sesuatu program atau aktiviti yang dianjurkan oleh sesebuah fakulti, tetapi melibatkan pelajar daripada fakulti lain juga dianggap sebagai program atau aktiviti di Peringkat Universiti dan layak diberi markah yang lebih tinggi berbanding dengan program/aktiviti di Peringkat Fakulti/PTj berkenaan.

**Syarat Am**
Merujuk kepada keperluan umum yang diguna pakai bagi semua kategori Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan.

**Syarat Khas**
Merujuk kepada keperluan khusus kepada Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan berkenaan sahaja.

Lampiran I

# SYARAT AM, SYARAT KHAS, KRITERIA PENILAIAN CALON DAN PENGIRAAN MARKAH

## Syarat Am

- Calon hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib sepanjang pengajian.
- Calon hendaklah bebas dari sebarang hutang dengan Universiti Malaysia Kelantan
- Calon berjaya mengemukakan bukti kecemerlangan dalam kriteria yang dinilai, termasuk pencapaian/aktiviti akademik, bukan akademik, kemasyarakatan, keusahawanan dan kepimpinan.
- Seorang calon layak menerima salah satu (1) anugerah sahaja daripada Kategori Anugerah Pelajaran Di Raja, Anugerah Canselor dan Anugerah Naib Canselor.
- Calon yang tidak terpilih untuk menerima anugerah yang lebih tinggi boleh dipertimbangkan untuk anugerah yang lebih rendah.

| PERKARA | SINGKATAN |
|---|---|
| Pencapaian Akademik | P. Aka |
| Akademik | Aka |
| Bukan Akademik | B. Aka |
| Kemasyarakatan | Kema |
| Keusahawanan | Keu |
| Ciri-ciri Kepimpinan | C. Kep |

**PENGIRAAN MARKAH**

- **PNGK/ Pencapaian Akademik:**
  - ➢ PNGK semester akhir ÷ 4.00 x wajaran %
- **Kriteria selain Pencapaian Akademik:**
  - ➢ Jika markah yang diperolehi > markah maksima, maka markah yang sebenar = markah maksima
  - ➢ Jika markah yang diperolehi ≤ markah maksima, maka markah yang sebenar = markah yang diperolehi

| BIL. | ANUGERAH/ HADIAH | SYARAT KHAS | *KRITERIA PENILAIAN & WAJARAN (%) | | | | | | JUMLAH (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | P. Aka | Aktiviti | | | | C. Kep | |
| | | | | Aka | B. Aka | Kema | Keu | | |
| 1 | Pelajaran Di Raja | • Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50) | 40 | 20 | 5 | 5 | 10 | 20 | 100 |
| 2 | Canselor | | 30 | 20 | 10 | 10 | 10 | 20 | |
| 3 | Naib Canselor | | 40 | 5 | 15 | 10 | 10 | 20 | |
| 4 | Prihatin Komuniti PUSPANITA | | 30 | 5 | 5 | 30 | 20 | 10 | |
| 5 | Keusahawanan (Komersial/ Sosial) | • Mendapat PNGK 3.00 dan ke atas (PNGK ≥ 3.00) | 20 | 10 | 5 | 5 | 50 | 10 | |
| 6 | Dekan | • Mendapat PNGK 3.50 dan ke atas (PNGK ≥ 3.50) | 40 | 20 | 10 | 10 | 10 | 10 | |
| 7 | Alumni | | 30 | 20 | 10 | 20 | 10 | 10 | |
| 8 | Akademik | | 40 | 20 | 10 | 10 | 10 | 10 | |

***Wajaran adalah sama seperti markah maksima bagi setiap kriteria penilaian**

**KAEDAH PENILAIAN KRITERIA KEUSAHAWANAN BAGI ANUGERAH KEUSAHAWANAN KOMERSIAL SAHAJA**

| BIL. | AKTIVITI | KURIKULUM BERKREDIT | KURIKULUM TIDAK BERKREDIT | | | | BUKTI | MARKAH MAKSIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PEMARKAHAN | | | | | | |
| 1. | LATIHAN | **0**<br>Pelajar yang mengikuti latihan yang dianjurkan oleh kursus berkredit tidak layak mendapat markah. Sebaliknya pelajar yang mengikuti latihan yang dianjurkan oleh pihak ketiga layak mendapat markah seperti kursus tidak berkredit | A.Bangsa | Nasional | Negeri/ Universiti | PTJ/ Fakulti | • Sijil/ Surat jemputan | **10** |
| | | | 10 | 7 | 5 | 2 | | |
| 2. | PEMILIKAN SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN SSM/SSU | Pelajar yang mendaftar syarikat bagi memenuhi keperluan kursus berkredit tidak layak mendapat markah kecuali syarikat tersebut masih aktif selepas tamat kursus berkredit tersebut. Sebaliknya pelajar mendaftar syarikat yang bukan keperluan kursus layak mendapat markah seperti kursus tidak berkredit | Tunggal | Perkongsian | Sdn Bhd | | • Sijil Daftar SSM/SSU | **10** |
| | | | 3 | 5 | 10 | | | |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | PERTANDINGAN RANCANGAN PERNIAGAAN | | A.Bangsa | Nasional | Negeri | Universiti | PTJ/ Fakulti | • Sijil | **10** |
| | | Johan | 10 | 8 | 7 | 7 | 4 | | |
| | | Naib Johan | 8 | 7 | 6 | 6 | 3 | | |
| | | Ketiga | 6 | 5 | 4 | 4 | 2 | | |
| | | Penyertaan | 5 | 4 | 3 | 3 | 1 | | |
| 4. | JUALAN (Syarikat aktif) | ≤ RM1500 sebulan | 1 | | | 3 | | • Laporan kira-kira syarikat | **10** |
| | | RM1501 hingga RM5000 sebulan | 3 | | | 7 | | | |
| | | ≥ RM5001 sebulan | 5 | | | 10 | | | |
| 5. | PELUANG PEKERJAAN | < 3 orang | 2 | | | 5 | | • Laporan kira-kira syarikat | **10** |
| | | ≥ 3 orang | 5 | | | 10 | | | |

**KAEDAH PENILAIAN KRITERIA KEUSAHAWANAN BAGI ANUGERAH KEUSAHAWANAN SOSIAL SAHAJA**

| BIL. | AKTIVITI | KURIKULUM BERKREDIT | | | KURIKULUM TIDAK BERKREDIT | | BUKTI | MARKAH MAKSIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PEMARKAHAN | | | | | | |
| 1. | PENGANJURAN | | A.bangsa | Nasional | Negeri/ Universiti | PTJ/ Fakulti | • Sijil/surat jemputan | **20** |
| | | Penganjur | 10 | 7 | 5 | 2 | | |
| | | Peserta | 5 | 4 | 2 | 1 | | |
| 2. | JAWATAN | | A.bangsa | Nasional | Negeri/ Universiti | PTJ/ Fakulti | • Sijil | **30** |
| | | MAJLIS TERTINGGI<br>• Pengarah<br>• Timbalan Pengarah,<br>• Setiausaha<br>• Bendahari | 15 | 12 | 8 | 5 | | |
| | | AJK/Exco | 10 | 7 | 5 | 3 | | |
| | | Sekretariat | 8 | 6 | 4 | 2 | | |
| | | Ahli | 5 | 4 | 2 | 1 | | |

## KAEDAH PENILAIAN KRITERIA KEUSAHAWANAN SOSIAL BAGI ANUGERAH PRIHATIN KOMUNITI PUSPANITA

| BIL. | AKTIVITI | KURIKULUM BERKREDIT | | KURIKULUM TIDAK BERKREDIT | | | BUKTI | MARKAH MAKSIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PEMARKAHAN | | | | | | |
| 1. | PENGANJURAN | | A.bangsa | Nasional | Negeri/ Universiti | PTJ/ Fakulti | • Sijil/surat jemputan | **15** |
| | | Penganjur | 10 | 7 | 5 | 2 | | |
| | | Peserta | 5 | 4 | 2 | 1 | | |
| 2. | JAWATAN | | A.bangsa | Nasional | Negeri/ Universiti | PTJ/ Fakulti | • Sijil | **5** |
| | | MAJLIS TERTINGGI<br>• Pengarah<br>• Timbalan Pengarah,<br>• Setiausaha<br>• Bendahari | 15 | 12 | 8 | 5 | | |
| | | AJK/Exco | 10 | 7 | 5 | 3 | | |
| | | Sekretariat | 8 | 6 | 4 | 2 | | |
| | | Ahli | 5 | 4 | 2 | 1 | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN | UMK(B01.02)(35-18) | | Tarikh Kuatkuasa : 17 Julai 2018 |
| | **BORANG PENCALONAN PENERIMA ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KALI KE- ______ TAHUN ______** | | |

Gambar Ukuran Pasport

**ARAHAN**

- **Perkara 1-9 diisi oleh calon.**
- **Perkara 1-9 perlu disahkan oleh seperti yang dinyatakan**
- **Calon wajib menyediakan resume.**
- **Calon wajib menyediakan bukti seperti salinan sijil atau salinan surat jemputan, laporan kira-kira syarikat dan sebagainya.**
- **Calon wajib menyenaraikan aktiviti mengikut teras aktiviti yang ditetapkan di Lampiran A: Senarai Aktiviti (Excel).**
- **Hanya aktiviti sepanjang pengajian di UMK dikira.**

## 1. MAKLUMAT PERIBADI

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Nama | : | | | | |
| No. Kad Pengenalan | : | | No. Matrik | : | |
| Bangsa | : | | Agama | : | |
| Warganegara | : | | Email | : | |
| No. Telefon | : | | | | |
| Pekerjaan Bapa | : | | | | |
| Pekerjaan Ibu | : | | | | |
| Pendapatan Isi Rumah (RM sebulan) | : | | | | |

(Sila sertakan salinan penyata pendapatan ibu bapa yang terkini)

## 2. MAKLUMAT AKADEMIK

| | | |
|---|---|---|
| Program Pengajian | : | |
| Fakulti | : | |
| Sesi Kemasukan | : | |

3. **PERAKUAN PEGAWAI**

**a) TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP CALON**

Saya pegawai yang bertanggungjawab atas perkara yang berkaitan mengesahkan bahawa calon Anugerah dan Hadiah kecemerlangan yang bernama ........................................ ..................................... No. Matrik............................ adalah bebas daripada sebarang tindakan tatatertib sepanjang pengajian beliau di Universiti Malaysia Kelantan.

Tandatangan & Cop Pegawai Hal Ehwal Pelajar :

..........................................................................

No. Staf :
Tarikh :

**b) KEBERHUTANGAN CALON**

**PEJABAT BENDAHARI**

Saya pegawai yang bertanggungjawab atas perkara yang berkaitan mengesahkan bahawa calon Anugerah dan Hadiah kecemerlangan yang bernama ........................................ ..................................... No. Matrik............................ adalah bebas daripada sebarang hutang dengan Universiti Malaysia Kelantan.

Tandatangan & Cop Pegawai Bendahari :

..........................................................................

No. Staf :
Tarikh :

**PEJABAT PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN ILMU**

Saya pegawai yang bertanggungjawab atas perkara yang berkaitan mengesahkan bahawa calon Anugerah dan Hadiah kecemerlangan yang bernama ........................................... ..................................... No. Matrik.............................. adalah bebas daripada sebarang hutang dengan Universiti Malaysia Kelantan.

Tandatangan & Cop Pegawai Perpustakaan :

..........................................................................

No. Staf :
Tarikh :

## 4. PENCAPAIAN AKADEMIK

PNGK Semester Akhir : ........................

## 5. AKTIVITI AKADEMIK

**a) Penerbitan/ pembentangan seminar/ pembangunan projek/ pertandingan kuiz/ apa-apa aktiviti akademik**
**(MARKAH X BIL = JUMLAH MARKAH)**

| PERINGKAT | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 10 | | |
| Nasional | 7 | | |
| Universiti/ Negeri | 5 | | |
| Fakulti/ PTj | 3 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

- **Peringkat Universiti ialah aktiviti yang melibatkan pelajar dari fakulti berlainan**
- **PTj ialah Pusat Tanggung Jawab (selain fakulti) dalam aktiviti berkenaan**

Tandatangan Calon,

..........................................................................
Tarikh :

Disahkan oleh :

..........................................................................
Tandatangan & Cop Rasmi Dekan Fakulti
Tarikh :

6. AKTIVITI BUKAN AKADEMIK YANG TIDAK BERKREDIT (MARKAH X BIL = JUMLAH MARKAH)

a) Penganjuran aktiviti kebudayaan, kelab/ persatuan dan sukan

| PERINGKAT PENGANJURAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 10 | | |
| Nasional | 8 | | |
| Universiti/ Negeri | 6 | | |
| Fakulti/ PTj | 4 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

- Peringkat Universiti ialah aktiviti yang melibatkan pelajar dari fakulti berlainan
- PTj ialah Pusat Tanggung Jawab (selain fakulti) dalam aktiviti berkenaan

b) Pencapaian dalam aktiviti kebudayaan, kelab/ persatuan dan sukan (tanpa mengambil kira tahap kemenangan – Johan, Naib Johan dan lain-lain)

| PERINGKAT PENCAPAIAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 8 | | |
| Nasional | 6 | | |
| Universiti/ Negeri | 4 | | |
| Fakulti/ PTj | 3 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

c) Penyertaan dalam aktiviti kebudayaan, kelab/ persatuan dan sukan

| PERINGKAT PENYERTAAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 6 | | |
| Nasional | 4 | | |
| Universiti/ Negeri | 3 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

## 7. AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG TIDAK BERKREDIT

### a) Penganjuran aktiviti kesukarelawan bagi pihak universiti/ pihak luar

| PERINGKAT PENGANJURAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 10 | | |
| Nasional | 8 | | |
| Universiti/ Negeri | 6 | | |
| Fakulti/ PTj | 4 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

### b) Penyertaan dalam aktiviti kesukarelawan anjuran universiti/ pihak luar

| PERINGKAT PENYERTAAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 8 | | |
| Nasional | 6 | | |
| Universiti/ Negeri | 4 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

## 8. AKTIVITI KEUSAHAWANAN

### a) Keusahawanan

i) **Pemilikan syarikat yang berdaftar dengan SSM/ SSU**

| PEMILIKAN SYARIKAT | MARKAH | | BIL | JUMLAH MARKAH*+ |
|---|---|---|---|---|
| | KEPERLUAN KURSUS* | BUKAN KEPERLUAN KURSUS+ | | |
| SDN. BHD. | 0 | 10 | | |
| Perkongsian | 0 | 5 | | |
| Tunggal | 0 | 3 | | |
| | JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

* Merujuk kepada penubuhan syarikat yang disyaratkan oleh kursus berkredit

\+ Merujuk kepada penubuhan syarikat atas inisiatif calon atau syarikat yang masih aktif walaupun selepas tamat kursus berkredit

*+ Jumlah markah adalah berdasarkan kepada keperluan salah satu kolum * atau + disebelah

ii) **Penganjuran dalam aktiviti keusahawanan yang tidak disyaratkan oleh kursus berkredit – seminar, pertandingan, latihan dan lain-lain**

| PERINGKAT PENGANJURAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 15 | | |
| Nasional | 12 | | |
| Universiti/ Negeri | 8 | | |
| Fakulti/ PTj | 4 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

iii) **Penyertaan aktiviti keusahawanan yang tidak disyaratkan oleh kursus berkredit – seminar, pertandingan, latihan dan lain-lain**

| PERINGKAT PENYERTAAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 10 | | |
| Nasional | 6 | | |
| Universiti/ Negeri | 3 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

**b) Keusahawanan Komersial**

i) **Latihan keusahawanan komersial yang tidak disyaratkan oleh kursus berkredit**

| LATIHAN PERINGKAT | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 10 | | |
| Nasional | 7 | | |
| Universiti/ Negeri | 5 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

ii) **Pemilikan syarikat yang berdaftar dengan SSM/ SSU**

- Sama seperti di perkara **8(a)(i)**

iii) **Pencapaian dalam Pertandingan Rancangan Perniagaan (mengambil kira tahap kemenangan – Johan, Naib Johan dan lain-lain)**

| PERTANDINGAN PERINGKAT | MARKAH PENCAPAIAN DALAM PERTANDINGAN | | | |
|---|---|---|---|---|
| | JOHAN | NAIB JOHAN | TEMPAT KE-3 | MENYERTAI |
| Antarabangsa | 10 | 8 | 6 | 5 |
| Nasional | 8 | 7 | 5 | 4 |
| Universiti/ Negeri | 7 | 6 | 4 | 3 |
| Fakulti/ PTj | 4 | 3 | 2 | 1 |

| PERINGKAT PERTANDINGAN | PENCAPAIAN | MARKAH | BIL | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| FAKULTI (CONTOH) | MENYERTAI | 1 | 3 | 3 |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

- **Isi berpandukan jadual markah pencapaian dalam pertandingan**

iv) **Hasil jualan**

| HASIL JUALAN SEBULAN (RM) | MARKAH | | JUMLAH MARKAH*⁺ |
|---|---|---|---|
| | KEPERLUAN KURSUS* | BUKAN KEPERLUAN KURSUS⁺ | |
| ≥ RM5001 | 5 | 10 | |
| RM1501 Hingga RM5000 | 3 | 7 | |
| ≤ RM1500 | 1 | 3 | |
| | JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | |

*⁺ **Jumlah markah adalah berdasarkan kepada keperluan salah satu kolum * atau ⁺ disebelah**

v) **Penyediaan peluang pekerjaan**

| BILANGAN PEKERJA | MARKAH | | JUMLAH MARKAH*⁺ |
|---|---|---|---|
| | KEPERLUAN KURSUS* | BUKAN KEPERLUAN KURSUS⁺ | |
| ≥ 3 orang | 5 | 10 | |
| < 3 orang | 2 | 5 | |
| | JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | |

*⁺ **Jumlah markah adalah berdasarkan kepada keperluan salah satu kolum * atau ⁺ disebelah**

c) **Keusahawanan Sosial**

i) **Penganjuran aktiviti keusahawanan sosial**

| PERINGKAT PENGANJURAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 10 | | |
| Nasional | 7 | | |
| Universiti/ Negeri | 5 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

ii) **Jawatan dalam penganjuran aktiviti berunsur keusahawanan**

| | MARKAH JAWATAN MENGANJUR | | | |
|---|---|---|---|---|
| PERINGKAT PENGANJURAN | MAJLIS TERTINGGI | AJK/EXCO | SEKRETARIAT | AHLI |
| Antarabangsa | 15 | 10 | 8 | 5 |
| Nasional | 12 | 7 | 6 | 4 |
| Universiti/ Negeri | 8 | 5 | 4 | 2 |
| Fakulti/ PTj | 5 | 3 | 2 | 1 |

| PERINGKAT PENGANJURAN | JAWATAN MENGANJUR | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| FAKULTI (**CONTOH**) | AHLI | 1 | 3 | 3 |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

iii) **Penyertaan aktiviti keusahawanan sosial**

| PERINGKAT PENYERTAAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 5 | | |
| Nasional | 4 | | |
| Universiti/ Negeri | 2 | | |
| Fakulti/ PTj | 1 | | |
| JUMLAH MARKAH KESELURUHAN | | | |

9. **CIRI-CIRI KEPIMPINAN**

a) **Jawatan dalam organisasi pelajar (kelab)/organisasi sosial**

| JAWATAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Majlis Tertinggi | 8 | | |
| EXCO | 6 | | |
| Setiausaha | 4 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

b) **Pencapaian dalam pertandingan pidato/ forum/ bahas/ debat/ syarahan/ ceramah awam dan sebagainya**

| PENCAPAIAN PERINGKAT | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 7 | | |
| Nasional | 5 | | |
| Universiti/ Negeri | 3 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

c) **Penyertaan dalam pertandingan pidato/ forum/ bahas/ debat/ syarahan/ ceramah awam dan sebagainya**

| PERINGKAT PENYERTAAN | MARKAH | BIL | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 5 | | |
| Nasional | 4 | | |
| Universiti/ Negeri | 3 | | |
| Fakulti/ PTj | 2 | | |
| **JUMLAH MARKAH KESELURUHAN** | | | |

Tandatangan Calon,

.......................................................................

Tarikh :

Disahkan oleh :

.......................................................................

Tandatangan & Cop Rasmi Timbalan Naib Canselor HEPA

Tarikh :

| UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN | **PROSEDUR OPERASI STANDARD** | Halaman: 1/3 |
|---|---|---|
| | BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK | No. Semakan: 00 |
| | UNIT PENGIJAZAHAN | No. Isu: 01 |
| | UMK/TNCA/SPKA/BPA/SOP-04<br>PEMILIHAN CALON ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH | Tarikh Kuatkuasa: |

| **Bil.** | **Arahan Kerja** | **Dokumen Sokongan/Borang** | **Susur Masa** | **Tanggungjawab** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Mula | | | |
| 2 | Maklum pengisian borang pencalonan kepada fakulti | | Minggu pertama Semester 8 (2 hari) | BPA |
| 3 | Hebah pengisian lengkap borang pencalonan kepada pelajar | Borang Pencalonan Penerima Anugerah Dan Hadiah Kecemerlangan | Minggu pertama Semester 8 (3 hari) | Fakulti |
| 4 | Isi borang pencalonan | | Minggu ke-2 hingga minggu ke-6 Semester 8 (30 hari) | Pelajar |
| 5 | Terima borang pencalonan yang telah lengkap beserta dokumen sokongan | | Minggu ke-7 Semester 8 (7 hari) | Fakulti |
| 6 | Semak dan pengesahan markah yang diisi pelajar | | Minggu ke-8 hingga minggu ke-9 Semester 8 (14 hari) | Fakulti, HEP |
| 7 | Semak kali kedua markah pelajar beserta bukti | Borang Pencalonan Penerima Anugerah Dan Hadiah Kecemerlangan, dokumen sokongan | Minggu ke-10 hingga minggu ke-11 Semester 8 (14 hari) | BPA |
| 8 | Peraku senarai pendek calon oleh panel penilai | | 1 hari | Ahli JKTS Peperiksaan, BPA, HEP |
| 9 | Bentang senarai calon di Mesyuarat Senat untuk pengesahan | | 1 hari | TNC (A&A)/ BPA |
| 10 | Maklumkan kepada pelajar yang berjaya. | Surat makluman disalinkan kepada fakulti dan HEP | 7 hari | BPA |
| 11 | Sedia pingat, cek, sijil voucher buku dan lain-lain kepada pelajar. | | 30 hari | BPA, Fakulti |

| UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN | **PROSEDUR OPERASI STANDARD** | Halaman: 1/3 |
|---|---|---|
| | BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK | No. Semakan: 00 |
| | UNIT PENGIJAZAHAN | No. Isu: 01 |
| | UMK/TNCA/SPKA/BPA/SOP-04<br>PEMILIHAN CALON ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH | Tarikh Kuatkuasa: |

| **Bil.** | **Arahan Kerja** | **Dokumen Sokongan/Borang** | **Susur Masa** | **Tanggungjawab** |
|---|---|---|---|---|
| 12 | Edar pingat, cek, sijil dan sebagainya kepada pelajar yang berjaya. | | 1 hari | BPA |
| 13 | Tamat | | | |

| UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN | **MANUAL KERJA** | Halaman: 2/2 |
|---|---|---|
| | BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK | No. Semakan: 00 |
| | UNIT PENGIJAZAHAN | No. Isu: 01 |
| | UMK/TNCA/SPKA/BPA/SOP-04<br>PEMILIHAN CALON ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH | Tarikh Kuatkuasa: |

| **Matlamat** | Memastikan pengurusan Pemilihan Calon Anugerah dan Hadiah Akademik Adalah Berdasarkan Kriteria Yang Dipersetujui. |
|---|---|

| **Carta Alir** | **Dokumen Sokongan/Borang** | **Susur Masa** | **Tanggung jawab** |
|---|---|---|---|
| Mula | | | |
| Maklum kepada fakulti | Borang Pencalonan Penerima Anugerah Dan Hadiah Kecemerlangan | Minggu pertama Semester 8 (2 hari) | BPA |
| Hebah pengisian borang | | Minggu pertama Semester 8 (3 hari) | Fakulti |
| Isi borang | | Minggu ke-2 hingga minggu ke-6 Semester 8 (30 hari) | Pelajar |
| Terima borang | | Minggu ke-7 Semester 8 (7 hari) | Fakulti |
| Semak dan sah markah | | Minggu ke-8 hingga minggu ke-9 Semester 8 (14 hari) | Fakulti, HEP |
| Semak kali kedua | | Minggu ke-10 hingga minggu ke-11 Semester 8 (14 hari) | BPA |
| Peraku panel penilai | | 1 hari | JKTS Peperiksaan, BPA, HEP |
| Pengesahan Senat | | 2 hari | Ahli Senat, BPA |
| A | | | |

Lampiran VI

| | | |
|---|---|---|
| UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN | **MANUAL KERJA** | Halaman: 2/2 |
| | BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK | No. Semakan: 00 |
| | UNIT PENGIJAZAHAN | No. Isu: 01 |
| | UMK/TNCA/SPKA/BPA/SOP-04<br>PEMILIHAN CALON ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH | Tarikh Kuatkuasa: |

| | |
|---|---|
| **Matlamat** | Memastikan pengurusan Pemilihan Calon Anugerah dan Hadiah Akademik Adalah Berdasarkan Kriteria Yang Dipersetujui. |

| Carta Alir | Dokumen Sokongan/Borang | Susur Masa | Tanggung jawab |
|---|---|---|---|
| A | | | |
| Maklum kepada pelajar | | 7 hari | BPA |
| Sedia pingat, cek dan sijil | | 30 hari | BPA, Fakulti |
| Edar pingat, cek dan sijil | | 2 hari | BPA |
| Tamat | | | |

## JAWATANKUASA SEMAKAN

## GARIS PANDUAN ANUGERAH DAN HADIAH KECEMERLANGAN BAGI GRADUAN PRASISWAZAH – ANUGERAH PRIHATIN KOMUNITI PUSPANITA

**Pengerusi/**
**Penyunting Utama**

Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad
Dekan Prasiswazah

**Ahli Jawatankuasa**

Dr. Raja Iskandar Bin Raja Halid
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

Dr. Choong Siew Shean
Fakulti Perubatan Veterinar

Dr. Roslizawati Binti Che Aziz
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan

Dr. Nurhanan Binti Abdul Rahman
Fakulti Industri Asas Tani

Puan Che Rusliza Binti Che Kob
Fakulti Senibina & Ekistik

Puan Marwanna Binti Kadir
Bahagian Pentadbiran Akademik

Encik Ateef Bin Azmi
Bahagian Pentadbiran Akademik

Puan Musfira Binti Muhammad
Bahagian Pentadbiran Akademik

**Urusetia**

Puan Siti Fairus Binti Yuhani